

'AQIDAH ISLAM DAN FENOMENA METAL

HAZMAN BIN HASSAN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2005**

'AQIDAH ISLAM DAN FENOMENA METAL

Oleh

HAZMAN BIN HASSAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Mei 2005

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan-petikan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 MEI 2005

HAZMAN HASSAN

P-HM0469

PENGHARGAAN

Syukur tidak terhingga kepada *Allah* 1 di atas segala kurniaan taufiq dan hidayah-Nya dalam saya menunaikan amanah menyiapkan kajian ilmiah ini. Selawat dan salam dilafazkan kepada Rasul Junjungan, *Muhammad* n, keluarganya, para sahabat dan semua yang mengikuti sunnahnya hingga ke Hari Pembalasan.

Di kesempatan ini saya bertuah kerana dapat melafazkan jutaan terima kasih sekalung budi kepada ayahanda Hassan Bin Mohamad, juga kepada seluruh keluarga yang tercinta atas segala sokongan juga dorongan material serta spiritual dalam saya melalui saat-saat manis dan pahit sepanjang tahun-tahun saya kembali semula ke menara gading di USM, Pulau Pinang. Jambangan penghargaan juga tidak dilupakan kepada guru-guru dan sahabat-sahabat setia jauh dan dekat yang turut sama gigih membantu dalam pelbagai aspek, di mana tidaklah dapat dinyatakan saya nama mereka satu persatu dalam lembaran yang kecil ini.

Juga teristimewa kepada penyelia saya, Dr. Noor Shakirah Mat Akhir, jutaan terima kasih setulus bakti didedikasikan bagi segala bimbingan dan pengorbanan yang beliau curahkan sepanjang saya berada di bawah penyeliaannya. Tidak dilupakan juga kepada penyelia bersama merangkap Ketua Bahagian Pengajian Islam iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Radzi Hj. Othman, terimalah ucapan terima kasih seikhlas budi daripada saya yang serba kekurangan ini.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) USM dan khusus kepada Bahagian Pengajian Islamnya yang telah memberikan peluang keemasan untuk saya menyempurnakan pengajian peringkat sarjana ini. Rasa terhutang budi juga saya hamparkan kepada seluruh ahli akademik dan staf di Bahagian Pengajian Islam PPIK, di bahagian-bahagian lain PPIK, di pusat-pusat pengajian USM yang lain, serta di IPT-IPT tempatan di mana mereka turut sama memberikan tunjuk-ajar dan sumbangan idea yang tidak ternilai harganya untuk saya memperbaiki lagi penyelidikan ini.

Terima kasih dan penghargaan yang tiada taranya turut ditujukan kepada pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) Zon Utara, Bahagian Keselamatan Negeri (BKN) Kedah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) Kementerian Pelajaran; Jabatan-jabatan Pelajaran negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; sekolah-sekolah menengah di negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang terlibat dengan kajian rintis, Perpustakaan-perpustakaan di USM, UKM, UIA, IKIM, ISTAC dan Pusat Islam yang telah membantu dalam menyalurkan pelbagai maklumat yang berguna kepada penyelidikan ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini, khususnya Ustaz Kamaruddin Kassim serta para aktivis dan peminat *Metal* yang telah memberikan kerjasama mereka selaku informan kajian. Semoga segala jasa yang kalian hamburkan akan diterima di sisi *Allah* 1 dan dinilai sebagai kebaikan di sisi-Nya.

Hazman Hassan
Bahagian Pengajian Islam
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
1 Mei 2005

KANDUNGAN

MUKA SURAT JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI KEPENDEKAN	x
SENARAI TRANSLITERASI	xi
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
BAB 1 : LATAR BELAKANG	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Skop Kajian	16
1.5 Kepentingan Kajian	21
1.6 Kajian-Kajian Lepas	22
1.7 Kaedah Penyelidikan	26
BAB 2 : 'AQIDAH DAN PENYELEWENGANNYA	
2.1 ' <i>Aqidah</i> Dan Kepentingan	33
2.2 Sumber-sumber ' <i>Aqidah</i>	40
2.3 ' <i>Aqidah</i> Yang Sahih	46
2.4 Penyelewengan ' <i>Aqidah</i>	90

2.5	Bentuk-bentuk Penyelewengan <i>'Aqidah</i>	
2.5.1	Syirik	102
2.5.2	Kufur	112
2.5.3	<i>Riddah</i>	126
2.5.4	<i>Nifaq</i>	134
2.5.5	<i>Bid'ah</i> Dan <i>Khurafat</i>	141
2.5.6	<i>Fasiq</i>	151
BAB 3 : LATAR BELAKANG FENOMENA <i>METAL</i>		
3.1	Takrif Dan Peristilahan	
3.1.1	Muzik <i>Metal</i>	160
3.1.2	Subbudaya <i>Metal</i>	162
3.2	Kemunculan Dan Perkembangan Fenomena <i>Metal</i>	
3.2.1	Fenomena <i>Metal</i> Sedunia	167
3.2.2	Fenomena <i>Metal</i> Di Malaysia	175
3.3	Manifestasi Fizikal Fenomena <i>Metal</i>	
3.3.1	Pemuzik <i>Metal</i>	191
3.3.2	Peminat <i>Metal</i>	194
3.3.3	Media Penyebaran <i>Metal</i>	201
3.4	Dimensi Pemikiran Fenomena <i>Metal</i>	205
3.5	Pengaruh Kepercayaan Peribumi Nusantara Dalam Dimensi Pemikiran Fenomena <i>Metal</i> Malaysia	222
3.6	Pengaruh Akomodasi <i>Metal</i> Dengan Unsur-unsur <i>Islam</i> Dalam Dimensi Pemikiran Fenomena <i>Metal</i> Malaysia	234

BAB 4	: FENOMENA <i>METAL</i> DAN PENYELEWENGAN	
	<i>'AQIDAH</i>	
4.1	Analisis Pengaruh Kepercayaan Peribumi Nusantara Daripada Perspektif Penyelewengan <i>'Aqidah</i>	249
4.2	Analisis Akomodasi <i>Metal</i> Dengan Unsur-unsur <i>Islam</i> Daripada Perspektif Penyelewengan <i>'Aqidah</i>	268
4.3	Penyelewengan <i>'Aqidah</i> Dan Kesan-kesannya Dalam Fenomena <i>Metal</i>	305
BAB 5	: PENUTUP	
5.1	Hasil Kajian Dan Kesimpulan	316
5.2	Saranan Kajian	324
BIBLIOGRAFI		327
LAMPIRAN		344

SENARAI RAJAH

Nombor	Tajuk	Halaman
2.1	Pengkategorian Bentuk-bentuk Penyelewengan ' <i>Aqidah</i> Berdasarkan Huraian Penulis	103
3.1	Pertindihan Unit-unit Membentuk Dimensi Pemikiran Fenomena <i>Metal</i> Malaysia	221

SENARAI LAMPIRAN

Bilangan Lampiran	Tajuk	Halaman
Lampiran A	Gambarfoto Ahli Generasi Kedua Kumpulan <i>Blackfire</i>	344
Lampiran B	Glosari Fenomena <i>Metal</i>	345
Lampiran C	Contoh <i>Sleeve</i> Album <i>Metal</i> Malaysia	354
Lampiran D	Contoh Gambarfoto Promosi Artis <i>Metal</i> Malaysia	355
Lampiran E	Contoh Poster Promosi Artis <i>Metal</i> Malaysia	356
Lampiran F	Wajah-wajah Aktivis dan Peminat <i>Metal</i> di Malaysia	357
Lampiran G	Beberapa Contoh Aksesori Eksotik Yang Digunakan Oleh Peminat <i>Metal</i> Malaysia	359
Lampiran H	Contoh Poster <i>Gig Metal</i> di Malaysia	363
Lampiran I	Pelan <i>Old House Pub</i> , Taman Semarak 2, Nilai, Negeri Sembilan	364
Lampiran J	Contoh Aksi Kumpulan Muzik <i>Metal</i> Malaysia Dalam <i>Gig Metal</i>	365
Lampiran K	Jadual Taburan kumpulan Muzik & <i>Zine Metal</i> Mengikut Negeri Yang Dikesan Dalam Kajian	366

SENARAI KEPENDEKAN

<i>Ibid</i>	-	<i>Ibidem</i> bererti sama dengan rujukan yang disebut di atas
<i>ed.</i>	-	<i>ed</i> bererti editor atau penyunting
z	-	Bererti <i>Radiyallahu ‘Anh</i>
n	-	Bererti <i>Sallallahu ‘Alayhi wa Sallam</i>
l	-	Bererti <i>Allah Subhanahu wa Ta‘ala</i>
k	-	Bererti <i>Allah ‘Azza wa Jalla</i>
thn	-	Tahun
t.t	-	Tanpa Tarikh
H	-	Hijriyah
M	-	Masihi
bil.	-	Bilangan
jld	-	Jilid
hlm	-	Halaman
pend.	-	Pendahuluan
Bhg.	-	Bahagian
terj.	-	Terjemahan
dll.	-	Dan lain-lain
dlm	-	Dalam
no.	-	Nombor
Prof.	-	Profesor
Dr.	-	Doktor
&	-	Dan

SENARAI TRANSLITERASI

<u>Bacaan</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
<i>'alif</i>	ا	-
<i>ba'</i>	ب	b
<i>ta'</i>	ت	t
<i>tha'</i>	ث	th
<i>jin</i>	ج	j
<i>ha'</i>	ح	h
<i>kha'</i>	خ	kh
<i>dal</i>	د	d
<i>dhal</i>	ذ	dh
<i>ra'</i>	ر	r
<i>zay</i>	ز	z
<i>sin</i>	س	s
<i>syin</i>	ش	sy

<i>sad</i>	ص	s
<i>dad</i>	ض	d
<i>ta'</i>	ط	t
<i>za'</i>	ظ	z
<i>'ayn</i>	ع	'a
<i>ghayn</i>	غ	gh
<i>fa'</i>	ف	f
<i>qaf</i>	ق	q
<i>kaf</i>	ك	k
<i>lam</i>	ل	l
<i>mim</i>	م	m
<i>nun</i>	ن	n
<i>waw</i>	و	w
<i>ha'</i>	هـ	h
<i>hamzah</i>	ء	a/a'

ya'

ي

y

ta'

ة

t

VOKAL

a. Pendek

b. Panjang

c. Diftong

_____ a

ا _____ a

أي _____ ay

_____ i

ى _____ I

أو _____ aw

_____ u

و _____ u

Sistem transliterasi yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan kepada sistem yang *standard*, sebagaimana yang terdapat dalam buku panduan transliterasi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada tahun 1992.

ABSTRAK

Merealisasikan tuntutan-tuntutan '*aqidah* yang sahih merupakan fokus unggul yang mendominasi kehidupan umat *Islam*. Dalam pada itu, kewujudan Fenomena *Metal* di peringkat global telah turut menarik penyertaan daripada kalangan umat *Islam* Malaysia. Justeru itu, terdapat keperluan untuk meneliti fenomena ini berasaskan penilaian neraca '*aqidah Islam* demi untuk memelihara kepentingan jangka masa pendek dan panjang umat *Islam* seluruhnya. Maka, penyelidikan ini digarap sebagai suatu kajian tentang '*aqidah Islam* dan beberapa manifestasi penyelewengan dalam Fenomena *Metal*. Asas kajian ini bertitik-tolak daripada kepentingan '*aqidah* yang sahih berasaskan manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Selain itu, penyelewengan '*aqidah* dan juga bentuk-bentuk penyelewengannya turut dijelaskan. Seterusnya, kajian ini berusaha memberikan perhatian khusus dalam mempersembahkan latar belakang Fenomena *Metal* di Malaysia serta keterlibatan umat *Islam* dengannya, baik dalam aspek manifestasi fizikal mahupun dalam aspek dimensi pemikiran. Kemudian, beberapa manifestasi penyelewengan '*aqidah* yang dikesan dalam Fenomena *Metal* Malaysia telah dinilai daripada perspektif '*aqidah* yang sahih. Akhirnya, kajian ini mengemukakan rumusan hasilnya, bersama-sama saranan untuk mengatasi masalah yang wujud akibat berlakunya penyelewengan '*aqidah* dalam fenomena ini.

The Islamic 'Aqidah And The Metal Phenomena

ABSTRACT

The realization of the bona fide '*aqidah* is a main focus which dominates the life of the Muslims. In the intervening time, the emergence of the global *Metal* Phenomena has created a center of attention from the Malaysian Muslims. Thus, the need to evaluate these phenomena is inevitable in order to protect the short and long interest of the Muslim *ummah* as a whole. This thesis is based on the study of *Islamic 'aqidah* vis-à-vis some of the manifestations of deviation in the *Metal* Phenomena. This study, which emphasizes on the significance of the authentic '*aqidah*, is based on the *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. In addition, the deviations of '*aqidah* and its forms are also explicated. The study also gives special focal point on the *Metal* Phenomena background, its physical dimensions and its negative impact of thoughts on the Muslims. Consequently, some of the manifestations of deviation in the *Metal* Phenomena in Malaysia will be scaled in accordance with the genuine *Islamic 'aqidah*. Having clarified all these points, the study presents the findings as well as the *Islamic* way of solutions to overcome the problem of the deviation of '*aqidah* in the *Metal* Phenomena.

BAB 1 :

LATAR BELAKANG

Bab ini merupakan pengenalan dan *muqaddimah* kepada kajian yang dibuat. Ia menjelaskan beberapa perkara yang penting untuk difahami sebelum pembacaan yang lebih lanjut terhadap penulisan ini dapat diteruskan. Perkara-perkara itu termasuklah pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian-kajian lepas, serta kaedah penyelidikan.

1.1 Pengenalan

Islam adalah agama sejagat yang bersifat *Salihun li Kulli Zaman wa Makan* yakni sesuai untuk setiap masa dan tempat, lagi diutuskan buat sekalian manusia. Untuk itu, beberapa ketentuan umum yang wajib diketahui oleh setiap individu Muslim telah disampaikan secara jelas oleh baginda *Rasulullah* n. Satu daripada ketentuan–ketentuan tersebut adalah ‘*aqidah*.

‘*Aqidah* telah menjadi asas utama bagi binaan *Islam*, seperti pengakuan *Islamnya* seseorang itu yang dimulakan dengan pengakuan *syahadatayn* ‘Tidak ada *Ilah* yang berhak diibadati selain *Allah* 1 dan *Muhammad* adalah rasul-Nya’. *Rasulullah* n telah bersabda:

الإِسْلَامُ عَلَى خَمْسَةٍ عَلَى أَنْ يُوحَدَ اللَّهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَصِيَامِ
رَمَضَانَ وَالْحَجِّ

Maksudnya: ‘*Islam* ditegakkan di atas lima perkara iaitu mengesakan *Allah*, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan Haji’ (Diriwayatkan oleh *al-Bukhari* dalam *Sahihnya*, *Kitab al-Iman*, jld 1, hlm 9-10, *hadith* no. 8).

Apabila mengesakan atau mentawhidkan Allah ﷻ yang merupakan sebahagian daripada 'aqidah, telah disabdakan oleh baginda n terlebih dahulu daripada segala amalan-amalan lain dalam Rukun Islam, maka 'aqidahlah menjadi dasar yang pasti lagi pertama dan utama dalam Islam.

Walaupun begitu, memiliki ilmu 'aqidah yang sahih serta menghayati segala tuntutan-tuntutannya tidaklah mencukupi untuk menjamin seseorang Muslim itu akan terus kekal dengan 'aqidah yang sahih. Malahan, seseorang individu itu perlu prihatin dengan segala manifestasi penyelewengan yang berpotensi menggugat kesucian serta kesahihan 'aqidahnya. Sebagaimana tawhid tidak diketahui melainkan dengan menjauhi lawannya iaitu syirik, iman pula tidak dapat direalisasikan kecuali dengan berpantang daripada mendekati lawannya iaitu kufur. Oleh itu, kebenaran tidak dapat dinikmati melainkan sesudah meneliti hakikat kebatilan (al-Halabi,2000:16). Oleh yang demikian, ciri-ciri 'aqidah yang sahih tidak akan sedemikian jelas kecuali setelah mengenali lawan-lawannya. Inilah pendekatan yang diambil oleh Allah ﷻ sendiri di dalam firman-Nya:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ
وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٌ (256)

Maksudnya: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut dan dia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui' (al-Baqarah:256).

Hakikatnya, akibat terakhir kepada segala bentuk penyelewengan 'aqidah Islam adalah sama sahaja. Namun demikian, perbezaan tetap wujud dalam aspek bagaimana atau daripada sudut apakah sesuatu bentuk penyelewengan itu memberikan akibat buruknya

kepada kesucian *'aqidah*. Ibarat seseorang pembunuh; si pembunuh boleh menggunakan senjata-api, senjata tajam atau cukup sekadar kudrat kedua-dua tangannya sahaja untuk cuba membunuh sesiapa yang dihajati. Maka serupalah dengan penyelewengan *'aqidah*, natijahnya di dunia sampai ke akhirat akan tetap sangat mudarat. Cuma cara atau bentuk *'aqidah* seseorang diseleweng atau terseleweng itulah yang memberikan perbezaannya.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam pada itu, khususnya semasa bulan Jun sehingga September tahun 2001, umat *Islam* di Malaysia telah dikejutkan dengan isu *Black Metal*. Segolongan manusia dikatakan telah 'merekruit keahlian di kalangan pemuda-pemuda Melayu-*Islam* bagi menyemarakkan pemujaan syaitan dan faham anti-agama sehingga sanggup memijak *mushaf al-Qur'an* di dalam upacara pemujaan mereka' (Tuan Mohd Asri Tuan Hussein, 2 Julai 2001).

Pada 1 Ogos 2001, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mewakili mufti-mufti seluruh Malaysia telah mengumumkan bahawa pihaknya akan mengemukakan kertas cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengharamkan semua lagu dan simbol berkaitan *Black Metal* serta menyemak semula amalan pemberian permit kepada konsert *Rock* (Nik Khusairi Ibrahim, 2 Ogos 2001). Seterusnya Mufti Kerajaan Negeri Kedah semasa itu, menegaskan bahawa 'umat *Islam* yang meminati lagu serta muzik kumpulan *Black Metal* berbentuk pemujaan dan mengagung-agungkan syaitan termasuk dalam golongan syirik walaupun atas alasan suka-suka'. Beliau menyatakan lagi bahawa 'memanglah hanya menyanyi tetapi kita tak fikir mereka tak tahu wujud unsur-

unsur tidak baik seperti ini yang jelas menjatuhkan martabat *Islam*' (Utusan Malaysia, 27 Julai 2001).

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan pula berkata isu ini 'mempunyai hikmah yang besar kepada masyarakat *Islam* di negara kita'. Ini disebabkan 'sekarang ini keadaan telah berubah, cara mengajar, pendekatan kejiwaan oleh para tenaga pengajar, ditambah pula oleh segala kemudahan sekolah, latihan guru, penyusunan buku teks yang baik, semuanya telah mencapai tahap yang tinggi. Jadi di manakah salahnya keadaan sekarang ini, termasuk proses pendidikan di sekolah agama?'. Beliau menyimpulkan bahawa 'sekarang ini telah sampailah masanya bagi masyarakat *Islam* keseluruhannya berusaha mencari jalan untuk mencerminkan diri sendiri dan mencuba untuk memperbaiki mana-mana yang salah dan memperkemaskan mana-mana yang longgar di dalam diri masing-masing' (Ismail Ibrahim, 27 Julai 2001). Selain itu, kajian terhadap isu *Black Metal* ini juga diperlukan oleh kerana 'gejala sosial yang melibatkan remaja hari ini terlalu banyak dan memerlukan perincian' sebelum pihak kerajaan dapat bertindak menggubal sebarang akta untuk mengatasi masalah tersebut (Utusan Malaysia, 8 Ogos 2001).

Bagi memperoleh pemahaman yang tepat tentang isu *Black Metal* ini, penulis telah menjalankan siasatan rintis (*preliminary survey*) melalui tinjauan bahan-bahan kesusasteraan, wawancara dengan beberapa pihak dan sebagainya. Dalam melaksanakan proses siasatan rintis, unsur awal yang menjadi pendahulu kepada pembentukan keseluruhan permasalahan ini ialah soal pemilihan istilah yang tepat bagi mewakili sesuatu yang dikaitkan sebagai '*Black Metal*'. Untuk itu, berasaskan dapatan kajian rintis, akan dibincangkan kesesuaian beberapa istilah yang dimaksudkan, sebagaimana berikut :

1. Kumpulan

Kumpulan biasa diertikan sebagai ‘kelompok (orang) yang agak besar, himpunan atau beberapa orang yang dianggap sebagai suatu kelompok atau gabungan kerana mempunyai sifat, tugas, kecenderungan dan lain-lain yang serupa’ (Noresah Baharom,1996:728). Istilah kumpulan ini telah digunakan oleh beberapa pihak seperti Kamaruddin Kassim (t.t), Abdullah Abdul Rahman (t.t) dan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (t.t). Walau bagaimanapun, penggunaan istilah ini bagi merujuk kepada himpunan aktivis, pemuzik dan peminat *Metal* masih bersifat sangat umum. Tambahan pula, butir-butir sesebuah kumpulan seperti pemimpin, struktur hierarki, syarat keahlian dan sebagainya juga masih belum jelas. Walau bagaimanapun, di kalangan para peminat *Metal*, telah diiktiraf penggunaan istilah ‘*band*’ yang merujuk kepada ‘kumpulan ahli-ahli muzik yang khusus’ (Khalid M Hussin,1985:92; Hornby,2000:79). Maka, kekeliruan boleh berlaku dalam membezakan antara istilah ‘kumpulan’ yang mewakili ‘himpunan umum bagi aktivis, pemuzik dan peminat *Metal*’ dengan istilah ‘*band*’ sebagaimana ia merupakan ‘perkumpulan pemuzik yang spesifik’.

Perbendaharaan kata bahasa Melayu ada memuatkan istilah ‘kugiran’ iaitu kependekan kepada ungkapan ‘kumpulan gitar rancak’ yang boleh juga merujuk kepada ‘pancaragam moden yang popular’ (Noresah Baharom,1996:721). Kendatipun demikian, kajian ini tidak menggunakan istilah kugiran untuk merujuk kepada *band*. Kecelaruan akan timbul apabila istilah kugiran ini begitu sinonim dengan genre muzik *Rock ‘n’ Roll* yang dipopularkan oleh kumpulan *Beatles* dari Britain. Ini disebabkan istilah kugiran dimunculkan oleh genre tersebut yang pernah terkenal di negara ini dengan gelaran muzik *A-Go Go* pada dekad 60-an dan awal 70-an. Apabila generalisasi istilah ini dibuat untuk merangkumi genre-genre muzik yang lain, sekurang-kurangnya

gambaran muzik kumpulan *Beatles* dan *A-Go Go* tempatan akan mencelah ke minda, sekaligus berupaya menafikan kefahaman yang jelas dapat diperoleh oleh pembaca. Dengan itu, istilah '*band*' *Metal* di dalam kajian ini akan diwakilkan dengan konotasi 'kumpulan muzik' *Metal* atau dengan perkataan 'kumpulan' sahaja.

2. Aliran dan Genre

Dalam konteks ini, aliran dapat diertikan sebagai 'haluan pemikiran atau pendapat' ataupun 'mazhab' (Noresah Baharom,1996:30). Ismi Anuar (2002) mengaitkan *Metal* sebagai aliran muzik dengan ciri-ciri keideologian yang tertentu. Dalam konteks ini, sesungguhnya wujud satu lagi istilah yang lebih tepat untuk merujuk kepada aliran muzik iaitu genre. Genre ialah 'kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu' (Noresah Baharom, 1996:392; Hornby,2000:492). Penggunaan istilah genre memang wajar daripada suatu sudut. Akan tetapi, istilah ini hanya akan lebih banyak membataskan perbincangan kepada aspek muzik dan estetika sahaja. Ini akan menjadikan aspek-aspek lain yang mungkin lebih penting tidak dapat diberikan liputan yang sewajarnya.

3. Pertubuhan atau Organisasi

Pertubuhan ialah 'badan yang ditubuhkan untuk mengerjakan atau menjalankan sesuatu; lembaga, organisasi, atau persatuan' (Noresah Baharom,1996:1476). Secara lebih khusus perkataan organisasi bererti 'kesatuan yang terdiri daripada bahagian-bahagian dalam sesuatu pertubuhan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti kepentingan bersama dan lain-lain' (*Ibid*:948). Organisasi juga boleh diertikan sebagai 'suatu kumpulan untuk satu tujuan' ataupun 'sistem atau sekumpulan orang yang tersusun dan terkawal' (Khalid M Hussin,1985:857; Hornby,2000:817). Oleh itu, dapat difahami bahawa

ungkapan pertubuhan atau organisasi bersifat lebih khusus daripada ungkapan kumpulan. Namun demikian, perkembangan muzik *Metal* di Malaysia tidaklah digerakkan oleh mana-mana pertubuhan khusus yang berdaftar dengan kerajaan. Penglibatan mana-mana pertubuhan yang tidak formal atau tidak berdaftar dengan kerajaan juga masih belum jelas kelihatan. Pada peringkat ini, kekaburan penggunaan istilah ‘organisasi’ akan wujud lebih-lebih lagi jika diambil kira keperluan untuk wujudnya unsur gabungan unit-unit dalam pertubuhan bagi membentuk kesatuan sistem yang dilaksanakan bagi mencapai sesuatu tujuan.

4. Gerakan

Gerakan ataupun pergerakan boleh dimaknakan sebagai ‘kebangkitan untuk memperjuangkan sesuatu’ (Noresah Baharom,1996:394-395). Ia juga merupakan ‘tindakan atau usaha bersatu sekumpulan orang untuk sesuatu tujuan istimewa’ (Khalid M Hussin,1985:810). Hornby (2000:761) menakrifkan gerakan sebagai ‘sekumpulan manusia dengan set matlamat-matlamat dan prinsip-prinsip yang dikongsi bersama’. Berdasarkan ketiga-tiga takrif ini, penulis berpendapat gerakan *Metal* di negara ini belumlah sebenar-benarnya wujud pada masa ini. Ini disebabkan masih ramai yang ‘tidur’ daripada ‘berjuang’. ‘Tindakan bersatu’ belum jelas kelihatan sedangkan mentaliti individualistik masih dominan kehadirannya. Manakala ‘set matlamat dan prinsip bersama’ juga masih di awang-awangan pada saat ini. Meskipun demikian, senario ini mungkin akan berubah pada masa hadapan sekiranya kemunculan gerakan *Metal* di kalangan masyarakat Melayu-*Islam* dapat disaksikan di Malaysia kelak.

5. Ideologi

Selanjutnya, perkataan ideologi membawa maksud ‘faham atau ajaran yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan sebagainya’ (Noresah Baharom,1996:476-477). Ideologi juga boleh bermakna ‘cara pemikiran yang meliputi tanggapan-tanggapan dan sifat seseorang atau kumpulan terutamanya sebagai dasar sesuatu’ (Khalid M Hussin,1985:599). Perkataan ini juga mengarah kepada takrif yang berbunyi ‘suatu set idea atau kepercayaan yang membentuk asas sesuatu teori ekonomi atau politik; ataupun yang dipegang oleh sesuatu kumpulan atau orang tertentu’ (Hornby,2000:589). Sekalipun ada penganalisis seperti Sharifah Sofiah Atikah (2002) yang menggunakan istilah ini, kewujudan ‘ideologi *Metal*’ di Malaysia yang dipegang oleh penganutnya secara taat sebagai suatu ciri yang sifatnya meluas di seluruh negara ini masih disangsikan. Malahan yang perlu dijelaskan lagi ialah bagaimana muzik *Metal* telah menjadi medium penyebaran beberapa ideologi lain di Malaysia? Hasil pemikiran yang wujud pula adalah lebih merupakan terbitan kepada gabungan ideologi-ideologi tersebut serta belum mantap untuk berdiri sendiri secara utuh.

6. *Cult*

Cult pula boleh ditakrifkan sebagai ‘sistem ibadat keagamaan, terutamanya yang disalurkan menerusi ritualnya’ atau ‘kekaguman, kecintaan dan perhatian yang hebat terhadap sesuatu’, ataupun ‘sesuatu fesyen popular atau kegilaan’(Hornby,2000:284). Istilah *cult* juga merujuk kepada ‘sistem agama, kepercayaan dan penyembahan atau pemujaan’ atau ‘perihal menyembah, memuja seseorang atau mengamalkan sesuatu hingga menjadi kesukaan; penyembahan atau pemujaan’ (Khalid M Hussin,1985:308-309). Pada umumnya, *cult* ataupun ajaran sesat adalah satu perilaku atau fahaman yang

sering dikaitkan dengan kesesatan kerana ajarannya yang mempunyai unsur-unsur ketahayulan, *khurafat* dan pemujaan syaitan (Khairul Azhar,2002:70-72).

Sememangnya wujud segelintir peminat muzik *Metal* di Malaysia yang ‘memuja’ muzik kegemarannya sehingga muncul suatu kekaguman besar, yang akhirnya akan mengujudkan sifat *cult* terhadap muzik ini. Walau bagaimanapun, sekiranya perkembangan ini telah berlaku di Malaysia pada masa ini, ia hanya akan melibatkan individu-individu tertentu dan belum pun menjadi suatu trend setempat ataupun senegara yang ketara. Meskipun ada penganalisis seperti Khairul Azhar (2002) yang menggunakan istilah ini, penulis merasakan adalah terlalu awal untuk mencirikan *Metal* di Malaysia sebagai suatu *cult* di kalangan peminatnya.

7. Isu

Isu merupakan ‘perkara pokok, persoalan atau masalah’ (Noresah Baharom,1996: 503; Khalid M Hussin,1985:655). Hornby (2000:633) pula mengertikannya sebagai ‘suatu topik yang penting bagi perbincangan atau perdebatan’. Mendiskusikan *Metal* di Malaysia pasti tidak dapat mengelakkan daripada turut memperkatakan tentang isu *Black Metal* yang diberi liputan dengan banyaknya dalam media arus perdana negara ini bermula dari awal Julai sehingga awal September 2001. Penggunaan istilah isu *Black Metal* mula dipopularkan oleh para wartawan dan kolumnis seperti Tuan Mohd Asri Tuan Hussein (2 Julai 2001) daripada tabloid Harian Metro, Ku Seman Ku Hussin (27 Julai 2001) daripada Utusan Malaysia dan lain-lain lagi. Akhirnya, perkataan isu menjadi gelaran yang biasa di dalam wacananya oleh ahli-ahli masyarakat.

Meskipun begitu, penggunaan ungkapan ‘isu’ masih tidak dapat mencerminkan realiti sebenar. Ini disebabkan sesuatu isu itu akan terus berkait rapat dengan :

- i. Agenda sesuatu media yang mengutarakannya untuk tatapan masyarakat,

ii. Tempoh paparannya yang bersifat musiman, serta

iii. Keterikatannya kepada fokus dan penekanan yang diketengahkan oleh media.

Tambahan pula, konotasi '*Black Metal*' yang digunakan secara spesifik boleh dikelirukan dengan nama salah satu subgenre di dalam keluarga besar genre muzik *Metal*. Perbincangan juga akan disempitkan kepada isu bersifat tempatan yakni 'kumpulan *Black Metal* di Selatan Kedah dan Pulau Pinang' yang mengisi peratusan paling besar dalam fokus liputan oleh media, sekiranya istilah 'isu' ini digunakan. Sesungguhnya, aspek ini penting untuk diambil kira kerana *Metal* di Malaysia adalah lebih daripada sekadar suatu isu yang tenggelam dan timbul menurut perhatian media dan masyarakat.

8. Subbudaya

Budaya merujuk kepada 'cara hidup sesuatu masyarakat' (Khalid M Hussein, 1985:309). Dengan itu, subbudaya (*subculture*) pula merupakan 'gelagat dan amalan yang dikaitkan dengan sesuatu kumpulan tertentu dalam sesebuah masyarakat' (Hornby, 2000:1190). Secara lebih khusus, Miller dan McHoul (1998:195) menakrifkan subbudaya sebagai 'pecahan daripada suatu kebudayaan yang lebih besar yang memiliki amalan-amalan, objek-objek, dan nilai-nilai tersendiri di mana kebiasaannya ia akan bertentangan dengan kebudayaan tersebut. Meskipun begitu, sesuatu subbudaya itu tidaklah berbeza secara keseluruhan dengan budaya induknya'. Barangkali oleh sifat ini jualah Chan (2000) telah menerjemahkan istilah *subculture* ini sebagai 'budaya kecil'. Istilah subbudaya ini merupakan suatu ungkapan yang hampir kepada realiti *Metal* di Malaysia. Walaupun demikian, istilah subbudaya ini nampaknya hanya ideal digunakan dalam konteks wujudnya generalisasi yang dapat dilakukan kepada sebahagian besar

ahli sesuatu kelompok itu, tanpa perlu terlalu bergantung kepada unsur kes-kes khas melibatkan individu-individu tertentu yang bersifat minoriti dan elitis.

Merujuk kepada perbincangan subbudaya *Metal* di beberapa kawasan tertentu dunia, misalnya liputan laman web *American Nihilistic Underground Society* tentang *Black Metal* di Norway; *Death Metal* di Florida, Los Angeles dan Texas; *Death Metal* di Sweden; dan sebagainya; akan terasa bahawa subbudaya *Metal* di Malaysia masih berlegar dalam fasa pengasasannya (laman web *American Nihilistic Underground Society*). Liputan yang memfokus kepada sesuatu berciri subbudaya juga belum dapat dikerjakan dengan jayanya oleh sebab banyak lagi dimensi pemikirannya yang masih ‘tersembunyi’ daripada jangkauan penulis. Justeru itu, adalah difikirkan lebih cermat dan tepat sekiranya istilah subbudaya ini belum digunakan bagi merujuk kepada realiti *Metal* di Malaysia buat masa ini. Walau bagaimanapun, kemunculan beberapa penemuan konkrit yang dapat mengabsahkan penggunaannya pasti akan membolehkan istilah ini digunakan dengan lebih selesa pada masa hadapan.

9. Fenomena

Perkataan fenomena merujuk kepada ‘sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diperhatikan’ atau ‘sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diberikan dan dijelaskan secara saintifik’ (Noresah Baharom,1996:351). Ia adalah ‘sesuatu yang dapat dilihat, sesuatu yang nyata, perwujudan’ (Khalid M Hussin,1985:908). Fenomena juga merupakan ‘suatu fakta atau kejadian khususnya bagi alam dan masyarakat’ ataupun ‘suatu individu, benda atau kejadian yang menarik perhatian atau istimewa’ (Hornby,2000:867). Dengan itu, dapatlah difahami bahawa konotasi fenomena akan membolehkan tumpuan dengan skop yang paling luas ditujukan kepada sesuatu objek kajian itu, asalkan aspek yang difokuskan tersebut merupakan fakta yang boleh dicerap

dan dijelaskan. Oleh yang demikian, skop kepada istilah ‘Fenomena *Metal*’ di Malaysia akan berupaya meliputi:

- i. Kumpulan-kumpulan muzik atau *band*, kumpulan aktivis dan kumpulan peminat *Metal* yang signifikan di Malaysia
- ii. Pelbagai subgenre dan aliran bagi muzik *Metal*
- iii. Berbagai-bagai unsur-unsur organisasi, gerakan, ideologi, *cult* dan subbudaya bagi *Metal* di Malaysia yang telah wujud pada masa ini serta menunjukkan potensi untuk memperlihatkan sifat-sifatnya yang lebih lengkap di masa hadapan
- iv. Isu-isu berkaitan Fenomena *Metal*, termasuklah isu *Black Metal* yang diberikan liputan yang hebat oleh media arus perdana negara khususnya semasa pertengahan tahun 2001

Pemilihan istilah ‘fenomena’ ini turut diteguhkan oleh kenyataan bahawa ia juga digunakan oleh para aktivis dan peminat *Metal* sendiri. Suatu contoh ialah kata-kata aluan Eric Cheah daripada *Psychic Scream Entertainment (PSE)* yang menerbitkan album kompilasi *Metal* berjudul *Panggilan Pulau Puaka II* pada tahun 1999. Di dalam kata-kata aluan yang dimuatkan di kulit atau *sleeve* kaset untuk album tersebut, Eric Cheah mengatakan: ‘Kemunculan kompilasi adalah ‘jawapan bagi sebahagian daripada “Fenomena” yang hilang itu kerana tujuan kami membuat kompilasi ini adalah untuk menguatkan lagi “*Metal Scene*” tanahair kita...’ (*Sleeve* album *Panggilan Pulau Puaka II* (1999), *Psychic Scream Entertainment (PSE)* Sdn. Bhd.).

Seorang aktivis *Metal* antarabangsa iaitu Spinoza Ray Prozak (1999) juga menggunakan istilah ini dengan katanya: ‘*Metal* adalah fenomena sedunia, yang menyeberangi ke seluruh belahan bumi dan melanda setiap bangsa yang dikenali oleh umat manusia...’. Barangkali beralasankan pelbagai kelebihan ungkapan ini jugalah

Rohana Yusoff (2002) telah menggunakan istilah 'fenomena' bagi merujuk kepada isu *Black Metal* pada tahun 2001.

Justeru itu, penulis mensifatkan *Metal* di kalangan masyarakat Melayu-Islam Malaysia sebagai suatu fenomena. Pemilihan ini dilakukan kerana kewujudannya dapat diketahui, tetapi buat masa ini ianya hanya dapat diperhatikan tanpa belum lagi berupaya digolongkan secara tepat ke dalam mana-mana rantau takrifan bagi beberapa istilah yang telah disenaraikan di atas. Walau bagaimanapun, istilah 'Fenomena *Metal*' ini boleh berganti dengan istilah lain pada masa hadapan, selaras dengan perkembangan kajian-kajian yang lebih terkini dan selari pula dengan penemuan-penemuan yang dapat membuktikan *kehujjahan* istilah tersebut berbanding istilah-istilah lainnya.

Oleh yang demikian, dapatlah ditakrifkan Fenomena *Metal* sebagai 'suatu fenomena di mana tersebarinya muzik *Metal* dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan secara langsung atau tidak dengan minat terhadap muzik tersebut'. Menghubungkan perkaitan antara *Metal* dengan *Islam* pula akan menjadikan konotasi 'Fenomena *Metal*' menjadi lebih mengkhusus dan jelas, khasnya dalam konteks penglibatan masyarakat Melayu-Islam Malaysia di dalamnya.

Di samping itu, kajian juga memilih untuk mengangkat tema Fenomena *Metal* tanpa disertai dengan konotasi *Black* bersama-sama. Ini dilakukan oleh sebab panggilan Fenomena *Black Metal* hanya akan menjadikan ramai pihak akan tercelaru antara fenomena ini, dengan nama satu daripada pelbagai subgenre muzik *Metal* yang juga dipanggil subgenre *Black Metal*. Selain itu apabila spesifikasi *Black* digunakan, maka hasil kajian akan mudah pula untuk distereotaipkan secara sempit sebagai penilaian terhadap beberapa komponen sahaja dalam Fenomena *Metal* ini. Langkah ini sesungguhnya akan membuka jalan kepada munculnya pihak-pihak tertentu yang

mendakwa bahawa *Metal* versi mereka adalah *Metal* yang ‘halal’ kerana ia bukannya *Black Metal*, tetapi sebaliknya bergelar *Red Metal*, *Green Metal* atau sebagainya.

Sesungguhnya fenomena ini wajar diteliti daripada sudut kewujudan suatu agenda besar, tanpa mengira siapa pun penulis agenda tersebut, kerana matlamatnya bagi menjajah pemikiran dan kepercayaan manusia sejagat sudah banyak dicapai. Oleh itu, langkah pencegahan yang kolektif sifatnya mesti dilaksanakan segera serta tindakan pengawalan yang berkesan pula perlu diambil. Kesemua pertimbangan ini sangat patut ditegakkan di atas asas yang kukuh, yakni sesudah suatu kajian akademik yang komprehensif dan rapi telah memberikan rumusannya. Oleh yang demikian, jika langkah-langkah tersebut dilaksanakan dengan proaktif dapatlah dipenuhi satu lagi tuntutan *Islam* kepada umatnya, yakni untuk senantiasa memburu keridaan *Allah* 1. *Allah* telah berfirman:

Maksudnya: ‘Dan katakanlah “Berkerjalah kamu, maka *Allah* dan Rasul-Nya serta orang-orang *mu'min* akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (*Allah*) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakannya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan”...’ (*al-Tawbah*: 105).

Selain itu, kajian terhadap Fenomena *Metal* daripada perspektif ‘*aqidah Islam* yang sahih juga wajar dilaksanakan dalam merealisasikan agenda memelihara kemurnian ‘*aqidah*. Tradisi keprihatinan dan melakukan penyelidikan demi untuk memelihara kemurnian ‘*aqidah* di kalangan umat *Islam* ini dapat diteladani daripada kisah salah seorang sahabat *Rasulullah* n iaitu *Hudhayfah bin al-Yaman* z:

Maksudnya: ‘Diriwayatkan daripada *Hudhayfah bin al-Yaman* z katanya: “Manusia sering bertanya kepada *Rasulullah* n mengenai amalan-amalan yang baik, tetapi aku telah bertanya tentang amalan-amalan jahat kerana aku takut ia akan menimpa diriku” (Diriwayatkan oleh *al-Bukhari* dalam *Sahihnya, Kitab al-Fitan*, jld 8, hlm 429, *hadith* no. 7084).

Dalam mengulas *hadith* yang ini, *Sulayman Ibn ‘Abdullah al-Tamimi* (1981, jld 1:263-264) mengatakan: ‘Orang yang hanya mengetahui kebaikan semata-mata, kadangkala mungkin akan turut dikunjungi keburukan. Maka, dengan tidak mengetahui keburukan kadang-kadang dia akan terjatuh ke dalamnya. Dan adakalanya dia langsung tidak akan membantahnya dengan cara yang berkesan, sebagaimana orang-orang yang mengenali keburukan itu akan menolaknya’. Maka, kesempurnaan pengetahuan terhadap yang baik dan yang buruk ini juga akan membawa kepada wujudnya kesempurnaan cinta kepada yang *ma‘ruf* dan kemarahan kepada yang *munkar* dalam insan *Muslim-Mu‘min* mencari keridaan *Allah* (*Yakan*,1996:142-143; *al-Misri*, 1998:203).

Justeru itu, penyelidikan tentang Fenomena *Metal* ini berpotensi membuahkan pengetahuan tentang segala manifestasi penyelewengan ‘*aqidah Islam* yang telah dan akan bertapak di dalamnya. Kajian ini juga berusaha membantu umat *Islam* di Malaysia khususnya, dengan mengetengahkan berbagai-bagai maklumat tentang Fenomena *Metal* agar mereka lebih peka dengan pelbagai *syubhat* atau keraguan yang bakal diterima daripadanya, sekaligus berupaya mengambil segala langkah yang *halal* bagi mempertahankan keutuhan ‘*aqidah* mereka.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bermatlamat untuk membincangkan penyelewengan '*aqidah*' yang berpunca daripada Fenomena *Metal* di kalangan aktivis dan peminatnya yang beragama *Islam*. Ini adalah untuk:

- 1.3.1 Memahami konsep kesahihan '*aqidah*'; sebagai asas paling utama bagi binaan ke*Islaman* seseorang dan sesuatu masyarakat itu; daripada sudut kepentingannya, sumbernya, metodologinya, prinsipnya serta bentuk penyelewengannya menurut manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
- 1.3.2 Meneliti Fenomena *Metal*, daripada perspektif '*aqidah Islam*', sebagai satu produk globalisasi budaya zaman ini yang turut membuahkan minat dan penyertaan daripada kalangan umat *Islam* Malaysia.
- 1.3.3 Mencerap situasi penyelewengan '*aqidah*' yang telah berlaku ataupun yang berpotensi untuk terjadi di kalangan para aktivis dan peminat *Metal*.

1.4 Skop Kajian

Penyelidikan ini digarap sebagai suatu kajian tentang '*aqidah Islam*' yang sahih, dan unsur-unsur penyelewengannya dalam Fenomena *Metal*. Oleh yang demikian, asas kajian ini sememangnya berlandaskan kepentingan '*aqidah*' yang sahih menurut manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sebagai landasan teorinya. Dengan itu juga, skop huraian-huraian tentang '*aqidah*' yang dilakukan dalam kajian ini juga diusahakan agar tidak terkeluar daripada spesifikasi manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam ber'*aqidah*'.

Seterusnya, kajian ini turut berusaha memberikan perhatian yang khusus dalam mempersembahkan latar belakang Fenomena *Metal* di Malaysia serta keterlibatan umat

Islam dengannya, baik dalam aspek manifestasi fizikal mahupun aspek dimensi pemikirannya. Walau bagaimanapun, maklumat berkenaan Fenomena *Metal* di luar Malaysia, serta penglibatan golongan bukan beragama *Islam* dalam fenomena ini juga akan dipersembahkan apabila ianya bersifat relevan dalam membantu menjelaskan sesuatu aspek dalam Fenomena *Metal* yang disertai oleh umat *Islam* di Malaysia.

Sesungguhnya kajian yang menyelidiki Fenomena *Metal* di Malaysia, dengan ‘*aqidah* yang sahih sebagai piawaiannya, akan menjadi lebih berautoriti apabila ia dapat diperteguhkan lagi dengan hasil penyelidikan kuantitatif. Walau bagaimanapun, kekangan besar untuk melaksanakan penyelidikan kuantitatif wujud bukan kerana sampelnya tidak ada atau tidak signifikan. Akan tetapi, kekangan ini terhasil disebabkan sampel kajian ‘sukar untuk ditemui’ dan yang ditemui pula ‘enggan tampil memberikan kerjasama’ kepada penulis. Ini berlaku oleh kerana:

i. Ciri *underground* Fenomena *Metal*

Teras kepada Fenomena *Metal* itu sendiri ialah sifat *underground* yang bermaksud tersembunyi, eksklusif untuk ‘ahlinya’ sahaja, secara senyap-senyap dan jauh daripada arus perdana (Syarifah Sofiah,2002:1). Justeru itu, responden sebenar bagi kajian kuantitatif akan menganggap diri mereka bukan peminat *Metal* tulen lagi jika tidak bergiat di ‘bawah tanah’. Mereka tidak mahu menggugat ciri kerahsiaan fenomena ini dengan muncul sebagai responden terhadap sebarang unsur yang dikaitkan dengan sesuatu *establishment* dunia *mainstream* yang sedia ada. Mereka juga memiliki persepsi negatif terhadap penyelidikan kuantitatif yang dianggap sebagai langkah awal suatu ‘konspirasi’ daripada ‘musuh-musuh *Metal*’ bagi memusnahkan ‘dunia’ yang amat mereka hargai.

ii. Reaksi negatif yang menanti responden

Ledakan isu *Black Metal* tahun 2001, mengakibatkan kewujudan reaksi yang reaktif dan keterlaluan ditunjukkan oleh segelintir anggota masyarakat *Islam* kepada fenomena ini. Dampak ini menjadikan para aktivis dan peminat *Metal*, termasuklah mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan, semakin bimbang sekiranya identiti mereka dan keluarga mereka dikenali. Ini disebabkan mereka dianggap ‘*pariah*’ dalam masyarakat. Ekoran daripada ini, lahir juga anggapan bahawa lebih baik kekal dengan Fenomena *Metal* kerana setidak-tidaknya harga diri mereka masih dapat dipertahankan (Wawancara dengan Kamaruddin Kassim, 6 Januari 2002). *Phobia* inilah menjadikan mereka sangat sukar untuk muncul sebagai responden, sekalipun bagi kajian yang bermatlamat untuk membantu mereka dan bukan sebaliknya. Oleh kerana itu, penyelidikan kuantitatif yang benar-benar berwibawa tidak dapat dijalankan sebagai pelengkap kepada kajian ini.

Dalam subtopik permasalahan, penulis menyertakan isu *Black Metal* tahun 2001 selaku sebahagian daripada Fenomena *Metal* di Malaysia. Walaupun begitu, isu tersebut tidak akan dibincangkan secara khusus dalam kajian ini. Keputusan ini diambil oleh sebab hasil siasatan rintis telah menunjukkan dengan jelas bahawa sebarang pihak yang mahu meneliti isu *Black Metal* tahun 2001 dengan mendalam akan menghadapi cabaran besar dalam membezakan antara maklumat yang sah dengan yang tidak, serta menentukan informan yang *thiqah* dengan yang *fasiq*.

Selain itu, hasil siasatan rintis juga mengesan beberapa lagi rintangan yang mengekang kelancaran penelitian terhadap isu *Black Metal* tahun 2001 itu, seperti:

- i. Wujud banyak khabar angin yang tidak dapat dipastikan kesahihannya;
- ii. Terdapat kesulitan untuk mendapatkan kerjasama daripada kumpulan-kumpulan muzik *Metal*, aktivis, peminat serta mantan peminat *Metal* untuk muncul sebagai informan;

- iii. Adanya sekatan untuk menyingkap aspek kerahsiaan kes-kes yang
- iv. dirujuk kepada pihak Polis, Jabatan Pelajaran Negeri serta Jabatan Agama Islam Negeri. Autoriti seseorang pengkaji misalnya penyelidik peringkat kajian sarjana, adalah masih tidak mencukupi untuk dirinya diizinkan mendapat akses terhadap maklumat-maklumat yang dirahsiakan itu. Sekiranya maklumat berkenaan diperolehi pun, jaminan untuk beliau bebas mengulasnya menurut disiplin penyelidikan ilmiah masih tidak didapati.

Sebaliknya, penulis cuba mengenengahkan penemuan-penemuan baru daripada pelbagai sumber maklumat yang juga berkredibiliti, tetapi tidak dikemukakan semasa isu *Black Metal* tahun 2001 ini melanda. Untuk itu sumber-sumber bertulis, baik yang bercetak seperti buku-buku, majalah, *zine*, *newsletter*, *flyer*, *sleeve* kaset dan sebagainya; mahupun bersifat elektronik seperti kandungan laman web, akan dianalisis. Kajian lapangan juga dijalankan di mana ia memfokuskan kepada interaksi dan wawancara dengan beberapa orang aktivis *Metal* di Lembah Klang dan lain-lain tempat. Untuk melengkapkan lagi liputan kajian lapangan ini, penulis juga telah ikut serta sebagai pemerhati dalam *gig The Eastern Loudness* di Nilai, Negeri Sembilan pada 9 Mac 2003; serta *Konsert D'Selatan 2* di Johor Bahru pada 27 Julai 2003 (Lampiran I dan Lampiran J). Pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh penulis bagi menjamin integriti sumber-sumber maklumat ini pula akan dihuraikan dengan lebih spesifik dalam subtopik kaedah penyelidikan.

Walaupun masih terdapat aspek-aspek *syar'iiyyah* dan *akhlaq* berkenaan Fenomena *Metal* yang juga tidak kurang pentingnya untuk diselidiki, aspek '*aqidah* tetap mendahului hierarki keutamaan kajian ini. Untuk itu, analisis berasaskan '*aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ini turut melibatkan segala manifestasi fizikal dan dimensi

pemikiran dalam fenomena ini yang berkaitan dengan *'aqidah*, meskipun pada masa yang sama ia juga turut berkait dengan aspek *syar'iyah* atau *akhlaq Islam*.

Sebagai pelajar, penulis terikat dengan keperluan untuk mematuhi dan menghormati semua peraturan Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM, khususnya tentang saiz penulisan tesis pada peringkat kajian sarjana (Mahindar & Ibrahim,2000:3). Faktor ini juga membuatkan tinjauan komprehensif terhadap kesemua pengaruh yang membina keseluruhan dimensi pemikiran Fenomena *Metal* Malaysia, tidak dapat dilaksanakan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian membataskan analisis dan perbincangan hanya kepada dua pengaruh berikut iaitu:

- i. Pengaruh Kepercayaan Peribumi Nusantara
- ii. Pengaruh Akomodasi *Metal* Dengan Unsur-unsur *Islam*

Kedua-dua pengaruh ini dipilih kerana ianya berlatarkan pemahaman dan tradisi keagamaan umat *Islam* di Malaysia sendiri, dan bukan merupakan pengaruh dari luar negara yang menyusup masuk ke dalam Fenomena *Metal* Malaysia. Pada masa yang sama, kedua-dua pengaruh ini juga mempunyai kaitan rapat dengan *'aqidah Islam* yang sahih mahupun yang diselewengkan sehingga analisis perspektif *'aqidah* terhadap kedua-duanya dapat dijalankan dengan lebih jelas.

Pemilihan kedua-dua pengaruh yang dapat dikatakan dekat kepada kehidupan harian mereka juga diharapkan dapat membuka mata dan minda segenap lapisan masyarakat *Islam* Malaysia secara lebih tepat terhadap fenomena ini. Hasil daripada anjakan paradigma yang diharapkan ini, turut diimpikan agar paparan analisis terhadap dua pengaruh ini akan berupaya memperteguhkan lagi pelaksanaan agenda pengisian ilmu, iman dan amal di kalangan umat *Islam*. Untuk itu, sumber-sumber pengaruh yang lain bagi dimensi pemikiran Fenomena *Metal* seperti pengaruh tradisi-tradisi keagamaan,

aliran-aliran falsafah, occultisme dan satanisme tidaklah akan diperkatakan dalam kajian ini.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini akan dapat dilihat daripada aspek-aspek berikut:

- 1.5.1 Dapat memberikan saham dalam mempertahankan kesucian '*aqidah ummah*.
- 1.5.2 Dapat mengklasifikasikan yang *haq* daripada yang *batil* dalam memahami fenomena ini serta mendedahkan pemisah antara kedua-duanya yang hampir-hampir terselindung lagi sulit untuk dijejaki
- 1.5.3 Dapat meluruskan persepsi dan stereotaip yang keliru berhubung dengan fenomena ini apabila suatu kajian yang komprehensif dapat dijalankan terhadapnya.
- 1.5.4 Dapat melihat permulaan dan perkembangan Fenomena *Metal* daripada hanya suatu genre muzik hingga perkembangannya pada masa kini. Oleh itu beberapa kemungkinan bagi senarionya pada masa hadapan akan dapat diunjurkan, bagi dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat *Islam* dalam merumuskan langkah-langkah pencegahan yang konkrit lagi berterusan, bukannya yang *ad-hoc* dan musiman.
- 1.5.5 Dapat mengujudkan kesinambungan yang lebih mutakhir; dalam konteks menangani cabaran kontemporari bagi umat Melayu-*Islam* di Malaysia pada awal alaf *Miladiyyah* baru; antara kajian-kajian awal yang terpisah-pisah antara aspek penyelewengan '*aqidah* dan Fenomena *Metal*. Hasilnya dapat didedikasikan kepada khazanah disiplin *Usuluddin*, khususnya di Nusantara.

1.6 Kajian-Kajian Lepas

Ketika penulis memulakan penyelidikan, belum lagi dijumpai mana-mana kajian khusus yang membicarakan secara terperinci akan tajuk kajian ini. Akan tetapi, penulis tidaklah menolak kebarangkalian bahawa kajian-kajian yang dimaksudkan tersebut mungkin muncul di peringkat pertengahan atau akhir semasa proses penyelidikan dijalankan oleh penulis.

Meskipun demikian, masih terdapat kajian-kajian terdahulu yang sifatnya terpisah-pisah antara subjek penyelewengan '*aqidah Islam*, Fenomena *Metal* serta cabaran-cabaran kontemporari kepada *ummah* khususnya melalui medium muzik. Bagi subjek penyelewengan '*aqidah Islam*, suka ditegaskan bahawa pelopor yang mula-mula merintis perbincangannya sebelum sumbangan tokoh-tokoh lain dapat diperkatakan, adalah baginda *Rasulullah* n sendiri (*al-'Aql*,2002:29-30). Ini adalah kerana tujuan paling utama baginda diutuskan adalah untuk menegakkan '*aqidah Tawhid* yang *haq* dan mendedahkan kebatilan '*aqidah* yang diselewengkan. Sesudah itu perjuangan ini diteruskan dengan setia oleh para Sahabat baginda z, para *Tabi'in* dan *Tabi' al-Tabi'in* serta para ulama' dahulu dan sekarang.

Seterusnya, kajian-kajian ilmiah tentang konsep muzik *Metal*, gaya hidup *Metal* dan lain-lain aspek dalam Fenomena *Metal* hampir-hampir tidak pernah dijalankan oleh mana-mana penyelidik Muslim dari negara kita. Walau bagaimanapun, masih terdapat kajian yang dijalankan oleh para pengkaji dari Barat yang menangani isu ini daripada perspektif kajian sosiologi, antropologi, muzik, budaya popular (*popular culture*), ajaran Kristian, etika dan sebagainya.

Weinstein (2000) misalnya menulis *Heavy Metal: The Music and Its Culture*, yang memperkatakan tentang genre *Heavy Metal* yang sangat berpengaruh dalam melahirkan Fenomena *Metal* seluruhnya. Seorang penulis lagi, *Baddeley* (1999)

menyusun buku *Lucifer Rising : A Book Of Sin, Devil Worship and Rock 'n' Roll* yang membicarakan bagaimana pengaruh 'agama' yang baru diinstitusikan, iaitu *Satanism* menyerap ke dalam dunia muzik *Rock* dan *Metal* antarabangsa. Selanjutnya, Moynihan dan Soderlind (1998) menyusun *Lords Of Chaos – The Bloody Rise Of The Satanic Metal Underground* untuk membincangkan tentang genre *Black Metal* dan subbudayanya di Norway.

Di Malaysia, penyelidikan yang dijalankan oleh Chan Lih Shing (2000) juga wajar dinyatakan. Kajian yang dijalankan sebagai tesis Sarjana Sastera Komunikasi di Pusat Pengajian Ilmu Komunikasi USM ini diberi judul *Pengaruh Sistem Ekonomi dan Politik Terhadap Perkembangan Muzik Rock Cina Tempatan di Malaysia : Huang Huo Sebagai Satu Kajian Kes*. Sebagaimana judulnya, kajian ini lebih memberikan tumpuan kepada genre muzik *Rock* cina yang lebih dikenali sebagai *Canto Rock* dengan kumpulan *Huang Huo* sebagai responden utamanya (Chan,2000:94). Meskipun dapat memberikan pengantar yang agak komprehensif tentang subbudaya *underground* dan *mainstream*, ketiadaan fokus kepada genre *Metal* dan fenomenanya yang disertai oleh umat Melayu-Islam di Malaysia menjadikan kajian ini masih perlu dilengkapi dengan penyelidikan-penyelidikan yang lain juga.

Ketika isu *Black Metal* menggemparkan Malaysia pada tahun 2001, Kamaruddin Kassim (t.t) mempelopori pendedahan isu tersebut dalam konteks nasional serta tempatan melalui manuskrip susunannya yang berjudul 'Laporan Penyiasatan Kumpulan *Black Metal*'. Meskipun kajian tersebut tidak dapat dinisbahkan sepenuhnya sebagai kajian ilmiah, pemerhatian yang beliau jalankan telah dijadikan sumber rujukan utama dalam menghadapi fenomena ini oleh banyak pihak-pihak yang berwajib seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Jabatan Mufti Pulau Pinang dan lain-lain. Kendatipun demikian, bahan

yang disusun oleh beliau adalah berbentuk manuskrip yang dibuat salinan fotokopi dan masih lagi mempunyai banyak ruang untuk diselidiki secara lebih mendalam.

Di samping itu, hasil kajian Kamaruddin Kassim ini turut dinukilkan dengan banyaknya oleh pelbagai penerbitan media massa arus perdana negara kita. Kemudiannya, daripada bahan-bahan yang disusun oleh Kamaruddin, liputan yang dibuat oleh para wartawan, serta ulasan para penulis dan pembaca akhbar media perdana; muncul beberapa bahan lagi tentang isu *Black Metal* yang merupakan olahan semula terhadap sumber-sumber yang telah dinyatakan tadi selain memaparkan sedikit maklumat baru. Antaranya adalah bahan berbentuk risalah seperti *Jurnal Isu-isu Semasa Black Metal* (2001) terbitan Jabatan Mufti Pulau Pinang dan sebagainya.

Universiti Utara Malaysia (*UUM*) melalui Institut Kajian Darulaman (*IDAMAN*) dan Institut Pembangunan Keluarga (*INPEK*) memulakan usaha para cendekiawan daripada menara gading tempatan untuk memahami fenomena ini secara lebih mendalam untuk merumuskan punca penerimaannya serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya. Ini dapat juga dikatakan sebagai rentetan sumbangan *IDAMAN* mengkaji pelbagai gejala sosial di sekitar Negeri Kedah, antaranya melalui penyelidikan ‘Masalah Gejala Sosial Di Kalangan Remaja Di Negeri Kedah Tahun 1997-1998’.

Ekoran daripada itu, usaha murni ini telah direalisasikan bersama-sama Kerajaan Negeri Kedah dengan penganjuran *Wacana Sehari Remaja & Black Metal* pada 5 September 2001 di Dewan MPKS Alor Setar, Kedah. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan di dalam program tersebut sudah pun dibukukan dengan judul ‘Fenomena *Black Metal*’ (2003) dan diterbitkan oleh *IDAMAN*, *UUM*. Meskipun begitu, wacana ini lebih menumpukan perbincangan daripada pendekatan sosiologi dan psikologi. Kertas kerja II yang membentangkan perspektif agama tentang fenomena ini juga